

Hegemoni Ilmu dan Masa Hadapan Bahasa Melayu

Zulkifley Hamid
Mohd. Asyraf Zulkifley

ABSTRAK

Makalah ini membahaskan peri pentingnya pembinaan tamadun ilmu dalam proses membina sebuah negara bangsa, iaitu membina negara Malaysia yang berdaulat yang ditunjangi dengan pembinaan tamadun ilmu. Pembinaan tamadun ilmu terserlah melalui penulisan dan penerbitan bahan ilmiah, khususnya penerbitan dalam bentuk buku dan jurnal. Turut disentuh dalam makalah ini adalah tentang peranan dan kepentingan para penerbit dan editor sebagai pemain utama dalam penerbitan karya ilmiah. Fokus khusus diberikan kepada peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penerbit gergasi milik kerajaan dalam usaha memperbanyakkan karya ilmiah berbahasa Melayu. Faktor-faktor yang menyebabkan Dewan Bahasa dan Pustaka gagal melaksanakan peranannya sebagai badan penerbitan ilmiah turut dibincangkan, termasuklah kesukaran mendapatkan manuskrip ilmiah yang bermutu untuk diterbitkan. Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada permasalahan yang berkaitan hegemoni Barat dalam mendominasi penerbitan karya-karya ilmiah. Makalah ini cuba menjelaskan mengapa Barat mahu mengekalkan hegemoni dalam penerbitan karya-karya ilmiah, dan strategi yang mereka telah dan bakal gunakan untuk mengekalkan fenomena hegemoni ini. Turut disentuh adalah sikap negara bukan Barat, dan strategi yang mereka gunakan dalam usaha memecahkan tembok hegemoni ini. Makalah ini turut menjelaskan mengapa hegemoni bahasa Inggeris sukan dicabar, dan turut dibincangkan peranan bahasa Melayu dalam memecahkan tembok hegemoni ilmu ini.

Kata kunci: penerbitan karya ilmiah, hegemoni bahasa Inggeris, Dewan Bahasa dan Pustaka, tembok ilmu, hegemoni ilmu.

ABSTRACT

This paper discusses the importance of knowledge in the process of nation building, which means developing Malaysia into a sovereign nation anchored on the development of knowledge. Knowledge advancement is reflected through the writing and publication of scholarly works, particularly books and journals. Also addressed in this paper is the role of publishers and editors as a major player in the publication of scholarly materials. Special focus is given to the role of Dewan Bahasa dan Pustaka as a government-owned publisher in an effort

to increase the publication of scholarly works in Malay. The factors that cause Dewan Bahasa dan Pustaka failure to perform its function, including the lack of quality manuscript are also discussed. Subsequent discussions focused on issues related to western hegemony in the publication of scholarly works, and strategies they will use to maintain this hegemony phenomenon. Also addressed in this paper is the attitude of non-western countries, and the strategies they use in order to break this hegemony phenomenon. This paper also discussed why this hegemony phenomenon is very difficult to be challenged, and also the role of Malay language in our effort to break this hegemony phenomenon in Malaysia.

Keywords: Publishing scholarly works, English hegemony, Dewan Bahasa dan Pustaka, language hindrance, knowledge hegemony.

Pendahuluan

Dalam makalah ini, penulis akan menghuraikan kedudukan khazanah keilmuan berbahasa Melayu, khususnya yang terungkap dalam bentuk penulisan buku dan makalah dalam jurnal. Dalam dunia tanpa sempadan, fenomena imperialisme ilmu atau hegemoni ilmu berlaku secara begitu berleluasa. Dasar atau sikap hegemoni ini menghasilkan satu fenomena di mana ilmu dalam pelbagai bidang kebanyakannya terungkap dalam penerbitan yang berbahasa Inggeris. Dalam makalah ini penulis juga akan membincangkan fenomena ini dengan mendalam, dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang boleh kita lakukan bagi memecahkan tembok hegemoni atau imperialisme akademik ini.

Buku dan Dunia Ilmu

Penerbitan buku akademik berbahasa Melayu berada dalam kedudukan yang tidak memuaskan, khususnya bagi bidang sains dan teknologi. Bilangan buku berbahasa Melayu bagi bidang sains dan teknologi yang diterbitkan oleh syarikat penerbitan sama ada milik swasta atau kerajaan adalah kecil. Penerbit-penerbit swasta ternyata gagal memenuhi tuntutan penerbitan buku berbahasa Melayu bagi keperluan mahasiswa pusat-pusat pengajian tinggi. Jika sekiranya, kita meletakkan tanggungjawab menerbitkan buku atau jurnal akademik kepada para penerbit swasta pastilah tanggungjawab ini tidak mungkin dapat dilaksanakan kerana keperluannya terlampau besar dan keupayaan penerbit-penerbit swasta adalah terlalu terhad. Di samping itu, perkiraan untung rugi sentiasa menjadi pertimbangan yang utama bagi para penerbit swasta.

Bidang pengajian atau ijazah yang ditawarkan oleh universiti-universiti di Malaysia masa kini adalah terlalu banyak, dan setiap bidang atau disiplin pengajian mempunyai cabang atau pengkhususan yang berbagai-bagai. Setiap pengkhususan pula mempunyai bilangan kursus yang besar jumlahnya, dan setiap kursus memerlukan sejumlah besar buku rujukan untuk bacaan para mahasiswa yang mengambil kursus tersebut. Sebagai contoh, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia terdiri daripada berpuluh jabatan, antara lain Jabatan Anatomi, Biokimia, Fisiologi, Farmakologi, Parasitologi dan Entomologi, Kesihatan Masyarakat, Mikrobiologi dan Imunologi, Oftalmologi, Patologi, Pediatrik, Surgeri, Psikiatri dan sebagainya. Setiap jabatan perlu menawarkan kursus yang mencukupi untuk bidang masing-masing, dan setiap kursus memerlukan sejumlah besar buku rujukan yang berwibawa. Buku atau bahan bacaan yang baru sentiasa diperlukan kerana dalam era masa kini ilmu berkembang begitu pantas, khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Bayangkanlah betapa banyaknya buku yang diperlukan untuk pelbagai bidang pengajian bagi peringkat pengajian tinggi. Oleh sebab ketakupayaan penerbit swasta untuk memenuhi keperluan penerbitan buku yang begitu besar untuk peringkat pengajian tinggi, kerajaan telah menubuhkan pelbagai penerbit dan pencetak yang dipunyai oleh kerajaan atau yang bersifat separa kerajaan. Oleh demikian, penglibatan kerajaan dalam industri penerbitan merupakan satu kemestian bagi memastikan kelangsungan tradisi keilmuan di universiti-universiti tempatan. Peranan kerajaan menjadi begitu penting, khususnya bagi bidang-bidang ilmu yang agak kecil bilangan penuntutnya. Hal ini bermaksud, pembeli atau pembaca sasaran buku-buku yang diterbitkan itu amat kecil, dan ini menyebabkan proses penerbitan buku-buku tersebut adalah merugikan.

Salah satu penerbit milik kerajaan yang diberikan kedudukan dan pelbagai peluang istimewa ialah Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan untuk memungkinan pelbagai bentuk bahan bacaan ilmiah untuk pelbagai peringkat umur dalam pelbagai bidang ilmu dapat dibukukan atau dijumpakan dalam bahasa Melayu. Jika kita berpegang kepada konsep ilmu sebagai asas pembinaan tamadun sesuatu bangsa, terbayanglah kepada kita betapa besarnya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pemangkin dan pelestarian budaya keilmuan berbahasa Melayu. Tidak ada bangsa yang boleh maju tanpa pembangunan ilmu dan pemikiran. Kemajuan sesuatu bangsa mesti didahului dengan perkembangan dan pengukuhan ilmu dan pemikiran (Sutan Takdir 1990; Syed Mohd Naguib 1990). Hanya bangsa yang

dapat membina tradisi keilmuan yang unggul dapat membina tamadun atau peradaban yang tinggi. Pembinaan tamadun dan perkembangan ilmu akan bergerak seiring. Tanpa perkembangan ilmu, keunggulan sesebuah tamadun tidak akan dapat dipertahankan (Ibn Khaldun dlm. Abdullah Al-Amin 1994). Dengan kata lain, sesebuah tamadun akan mula mengalami zaman kemunduran apabila perkembangan ilmu dalam masyarakat tersebut terhenti.

Ketika merumuskan tentang kedudukan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai penerbit utama negara, Hamedy (2002:15) mengatakan, “Kedudukan DBP sebagai penerbit amat istimewa di negara ini. Sebagai sebuah badan berkanun, DBP mendapat banyak keistimewaan daripada dasar kerajaan untuk membolehkannya menjadi penerbit gergasi”. Harapan yang begitu besar disandarkan pada Dewan Bahasa dan Pustaka. Semua keperluan buku dan bahan bacaan untuk pelbagai peringkat pengajian dari peringkat tadika hingga ke peringkat pengajian tinggi dipertanggungjawabkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ternyata kemudian, ‘penerbit gergasi’ ini tidak mampu memenuhi keperluan penerbitan buku dan bahan ilmiah bagi pelbagai peringkat pengajian, khususnya peringkat pengajian tinggi yang jumlah buku diperlukan begitu banyak tetapi jumlah pembacanya atau pembelinya agak terhad bilangannya. Dengan demikian, tugas menerbitkan buku-buku ilmiah untuk pengajian tinggi terpaksa dipertanggungjawabkan juga kepada universiti-universiti yang ada di Malaysia, khususnya universiti-universiti awam, dan terutamanya yang mendapat taraf universiti penyelidikan. Kriteria utama yang menentukan sama ada seseorang pensyarah universiti mendapat kenaikan pangkat atau tidak adalah ditentukan oleh kecemerlangan penerbitan ilmiah beliau. Dalam kalangan ahli-ahli akademik di Malaysia pada masa sekarang, kecemerlangan penerbitan diukur berdasarkan jumlah penerbitan dalam jurnal-jurnal bertaraf antarabangsa yang berimpak tinggi.

Masalah Hegemoni Ilmu

Hegemoni Barat berlaku dalam pelbagai bidang kehidupan rakyat Malaysia. Dalam bidang sains dan teknologi, Barat harus dijadikan kayu ukur. Begitu juga dalam bidang ekonomi dan politik, kita dikehendaki sentiasa akur kepada keperluan dan agenda Barat. Yang tidak akur akan dilabel sebagai puak pelampau atau penentang pemodenan dan melanggar berbagai-bagai hak asasi manusia. Barat menggunakan konsep globalisasi untuk mengukuhkan hegemoni mereka. Kita harus menerima label

sebagai pengikut setia mereka, dan kalau kita ingin lari atau menyimpang daripada pendirian ini kita akan disusahkan dengan pelbagai halangan dan sekatan sama ada yang bersifat antarabangsa atau oleh negara tertentu. Negara-negara bukan Barat, tidak pula terus menerus menerima penguasaan atau penaklukan cara baru tamadun Barat terhadap mereka. Terdapat pelbagai bentuk penentangan dan sanggahan terhadap penguasaan atau hegemoni Barat ini, dan ini kadangkala menghasilkan pergeseran atau pertembungan yang agak meruncing. Pertembungan budaya atau sering kali disebut sebagai *clash of civilizations* boleh mengancam keamanan dunia (Huntington 1996). Order dunia baru yang cuba dibentuk dan diperkukuhkan oleh Barat dianggap sebagai satu bentuk ketakadilan sejagat atau penjajahan era moden.

Bagi Barat, mereka harus terus menjadi tuan, dan kita selamanya harus menjadi pengikut yang setia. Jika sesebuah negara ingin menanggalkan status sebagai pengikut yang setia, kita berkemungkinan besar akan dikategorikan sebagai ekstremis, sepertimana yang sedang dihadapi oleh sesetengah negara masa kini. Konsep hegemoni harus direlakan, walaupun secara terpaksa. Fenomena rela dalam paksa menyebabkan pelbagai bentuk hegemoni, termasuk dalam bidang ilmu atau pendidikan. Sebagai contoh, Barat menentukan bagaimana *ranking* atau penarafan sesebuah universiti itu dilakukan. Universiti-universiti yang akur dengan kriteria Barat akan dapat meningkatkan penarafan mereka, manakala yang tidak akur akan terkeluar daripada peta universiti-universiti ternama dunia, walaupun mereka begitu hebat dalam bidang-bidang ilmu tertentu sepertimana yang berlaku kepada sesetengah universiti di Jepun dan Jerman.

Hegemoni terus menerus berleluasa dalam bidang akademik dan industri buku. Kita harus kekal dengan status 'pelajar' dan Barat ialah guru kita dalam semua bidang ilmu termasuklah dalam bidang agama yang kita anuti dan bahasa yang menjadi media komunikasi harian kita. Untuk mendapat pengiktirafan yang tinggi kita harus ke Barat untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Islam dan Linguistik Bahasa Melayu. Perbatasan ilmu adalah milik mutlak Barat, kita hanya layak bermain dalam liga tempatan atau di peringkat lokal. Untuk proses pengantarabangsaan, kayu ukur telah disediakan oleh Barat dan kita harus menerima kaedah pengukuran dan penilaian ini sebagai sah dan boleh dipercayai.

Dalam industri buku, Barat mendominasi sepenuhnya. Menurut Hamedi (2002:53), Barat mengguna pakai konsep *center and periphery* atau *metropolis-province* dalam industri buku. Menurut konsep ini, kita hanya layak menjadi pengguna atau pembeli buku kerana kita berstatus

periphery atau kita berada di *province*. Mereka ialah *center* bagi dunia ilmu. Dunia ketiga terus menerus menjadi pembeli atau pengguna buku-buku ilmiah dari Barat. Barat akan mencuba sedaya mungkin untuk mengekalkan konsep *center and periphery* atau konsep *metropolis-province*. Hal ini kerana industri buku merupakan industri yang amat menguntungkan mereka.

Kalau kita memasuki perpustakaan universiti-universiti tempatan, hakikat *metropolis-province* ini jelas kelihatan. Sebahagian besar buku yang berada di rak-rak buku di perpustakaan IPT di Malaysia ialah buku-buku berbahasa Inggeris. Dalam bahagian berikut, penulis akan membincangkan beberapa faktor yang menghambat industri buku tempatan, dan yang menyebabkan konsep *center and periphery* Barat terus menerus dikekalkan hingga ke hari ini.

Hambatan dalam Industri Buku Negara

Penerbitan buku akademik atau buku ilmiah untuk kegunaan mahasiswa institusi pengajian tinggi merupakan usaha yang kurang menguntungkan. Ini disebabkan jumlah pembaca yang amat kecil bilangannya. Bidang ilmu di institusi pengajian tinggi adalah bersifat terlalu mengkhusus, dan ini kadangkala menyebabkan bilangan pelajar yang mengambil sesuatu kursus amat kecil bilangannya, lebih-lebih lagi kursus-kursus yang ditawarkan untuk program-program pascasiswazah. Kadangkala, bilangan pelajar yang mengambil sesuatu kursus yang ditawarkan di peringkat pascasiswazah adalah kurang daripada 10 orang pelajar. Jika seseorang pensyarah menulis sesebuah buku dan disasarkan untuk golongan ini, pastilah jumlah pembaca atau pembelinya adalah amat kecil bilangannya.

Memburukkan lagi keadaan, buku akademik atau ilmiah jauh lebih cepat 'ketinggalan' atau 'luntur' berbanding dengan buku-buku yang ditulis untuk bacaan santai atau buku yang berbentuk hiburan. Bagi buku-buku dalam bidang sains dan teknologi seperti bidang kejuruteraan tahap 'kelundurannya' begitu cepat. Buku yang diterbitkan empat atau lima tahun yang lampau mungkin sudah tidak relevan lagi pada hari ini. Hayat buku yang pendek ini pasti sekali menakutkan penerbit untuk menerbitkan buku-buku ilmiah untuk peringkat pengajian tinggi. Dengan kata lain, penerbitan buku-buku ilmiah untuk kegunaan mahasiswa sering kali merugikan.

Di samping jumlah pembaca atau pembeli yang amat terhad, hayat buku-buku ilmiah secara relatifnya amat pendek. Sesebuah novel yang

menarik mungkin dapat bertahan selama berpuluh tahun atau terus diangkat sebagai karya agung sastera dan akan terus ditatap oleh para pembaca dari satu generasi ke satu generasi. Hal begini tidak mungkin berlaku kepada buku-buku ilmiah, lebih-lebih lagi buku ilmiah yang diterbitkan oleh penerbit tempatan sama ada oleh Dewan Bahasa dan Pustaka atau oleh para penerbit universiti. Jangka hayatnya pendek dan pasarannya terhad. Untuk pasaran luar negara, ia hanya terhad kepada negara Brunei dan Indonesia.

Keadaan sepertimana yang dinyatakan di atas telah diburukkan lagi oleh kelainan gaya penulisan yang semakin ketara antara buku-buku yang diterbitkan di Malaysia dengan buku-buku yang diterbitkan di Indonesia. Buku-buku ilmiah yang ditulis oleh dosen-dosen dari Indonesia dalam bahasa Indonesia, kadangkala sukar difahami oleh mahasiswa di Malaysia, begitu juga buku yang ditulis para pensyarah di Malaysia, kadangkala sukar hendak digarap maknanya oleh mahasiswa di Indonesia. Apa yang membimbangkan kita ialah ketidaksalingfahaman antara dua kelompok pengguna bahasa ini, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Indonesia semakin melebar. Setiap negara mempunyai dasar dan polisi bahasa yang tersendiri, dan ini menyebabkan perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia semakin bertambah besar.

Industri buku merupakan satu bentuk industri yang rencam. Ia tidak semudah yang ditanggapi umum kerana ia melibatkan urutan kerja yang rencam dan sukar. Setiap urutan dalam proses penerbitan buku memerlukan kepakaran kerja dan kesungguhan tekad yang tinggi. Secara umum, sesebuah badan penerbit dapat kita bahagikan kepada beberapa bahagian yang utama. Bingley (1966:1) menjelaskan, "*A publishing firm can be roughly divided into three main departments-editorial, production, and sales. Each has its specific functions which are not always completely separated.*"

Setiap bahagian dalam sesebuah badan penerbit mempunyai tugas yang berat dan memerlukan kakitangan yang pakar dan berdedikasi. Kita memerlukan para editor yang mahir dalam bidang bahasa dan kaedah pengeditan, serta mengetahui serba sedikit tentang bidang yang sedang diedit. Untuk menghasilkan seseorang editor yang sebegini ia memerlukan kelayakan yang tertentu dan perlu pula mengikuti latihan yang tertentu. Para editor harus dianggap sebagai ahli profesional dan diberikan imbuhan bulanan yang sejajar dengan tahap keprofesionalan mereka, dan bukannya menganggap mereka sebagai kerani atau jurutaip yang mudah diperolehi dan diganti. Mereka perlu dihormati sebagai golongan pekerja profesional.

Para penulis dan para editor adalah bersifat saling memerlukan. Peranan kedua-dua golongan profesional ini adalah sama penting (Withers dan Keighren 2011). Editor yang cekap dan berwibawa dapat menukar sebuah manuskrip yang baik kepada sebuah buku yang menarik dan bermutu. Para editor bukan sahaja mengedit bahasa atau format manuskrip tetapi mereka juga perlu memikirkan bagaimana sebuah manuskrip dapat ditukar kepada sebuah buku yang ingin dibeli dan dibaca oleh golongan pembaca sasaran. Sebagai contoh, sesebuah disertasi Doktor Falsafah yang hendak diterbitkan tidak sahaja melibatkan pengeditan bahasa tetapi juga gaya persembahan. Untuk menjadi sebuah buku yang menarik, sesebuah disertasi Doktor Falsafah harus diolah dan disesuaikan untuk pembaca sasaran. Fox (1985:2) mengatakan:

With a view toward the critical importance of the early transition from dissertation to publishing scholar, the first chapter by Mary Frank Fox focuses on the nature of and problems inherent in that transition and offer strategies for successful passage from doctoral to postdoctoral work.

Pandangan oleh Fox jelas membayangkan kepada kita bahawa disertasi Doktor Falsafah atau Sarjana Falsafah harus diubah suai sebelum dapat diterbitkan sebagai sebuah buku yang bermutu dan bersesuaian dengan pembaca sasaran. Hanya editor yang berpengalaman dapat melakukan tugas ini.

Satu lagi hambatan dalam penerbitan buku ilmiah berbahasa Melayu ialah kesukaran untuk mendapatkan manuskrip-manuskrip yang bermutu. Manuskrip yang bermutu hanya boleh ditulis oleh penulis yang berwibawa, iaitu seorang penulis yang telah benar-benar menguasai bidangnya. Untuk menjadi pakar dalam sesuatu bidang ilmu ia mengambil masa yang cukup lama. Kepakaran ini diperolehi menerusi proses pengajaran dan pembelajaran, pengalaman mengendalikan kursus, penyelidikan bersendirian atau berkumpulan, seminar, perbincangan dan sebagainya. Proses pengajaran dan pembelajaran sahaja berkemungkinan besar mengambil masa puluhan tahun. Selepas seseorang tutor tamat pengajian peringkat Doktor Falsafah baharulah dia akan dilantik sebagai pensyarah. Di peringkat awal, dia mungkin hanya dibenarkan mengajar dan menyelia mahasiswa prasiswazah. Selepas beberapa tahun, dia akan dinaikkan pangkat ke jawatan pensyarah kanan atau profesor madya, dan jika bernasib baik, dia mungkin berpeluang menjawat jawatan profesor. Biasanya, selepas menjawat jawatan profesor, kerjayanya sudah hampir ke penghujung. Seseorang kakitangan akademik mengambil masa yang begitu lama untuk menjadi pakar dalam bidang pengkhususannya, dan selepas diiktiraf sebagai pakar, dia tidak ada banyak masa untuk

berkarya kerana tempoh perkhidmatannya sudah hampir sampai ke penghujungnya.

Keadaan di atas tentu sekali tidak membantu proses pengayaan khazanah ilmu berbahasa Melayu. Kita mungkin harus melihat keadaan yang berlaku di Indonesia, di mana umur persaraan seseorang kakitangan akademik yang berwibawa dilanjutkan hingga ke tahap umur 70 tahun. Di samping membimbing para pelapis, tenaga akademik yang berwibawa ini juga amat produktif dalam menghasilkan pelbagai buku yang bermutu untuk kegunaan para pelajar pra dan pascasiswazah.

Satu masalah lain ialah untuk menentukan sejauh manakah sesebuah manuskrip yang hendak diterbitkan itu bersifat praktikal dan memberi manfaat kepada perkembangan ilmu, dan seterusnya dapat diaplikasikan kandungannya dalam usaha menambah baik dan menyejahterakan lagi kehidupan masyarakat. Baldridge, Floyd dan Markoczy (2004) telah membahaskan aspek ini dengan agak mendalam dalam makalah mereka. Mereka menyarankan agar sesuatu bahan yang bakal diterbitkan bukan sahaja harus berkualiti, tetapi juga harus mempunyai nilai aplikasi yang tinggi dalam usaha menyejahterakan kehidupan manusia.

Memangkinakan Penerbitan Buku Berbahasa Melayu

Sudah lama kita mendengar frasa *publish or perish*. Frasa ini menggambarkan kepada kita bahawa tradisi keilmuan di universiti memerlukan setiap kakitangan akademik menerbitkan makalah dalam jurnal berimpak tinggi, dan menghasilkan buku yang bermutu dalam bidang masing-masing. Budaya ini berlaku di semua universiti. Fox (1985:1) mengatakan, "*Publication is the central social process of science and scholarship, the primary means of communicating research, and an important means of recognition and reward in these institutions*". Kayu ukur kecemerlangan seseorang tenaga akademik di universiti yang sering kali diguna pakai ialah jumlah makalah dalam jurnal berimpak tinggi, buku yang bermutu dan penyelidikan yang berkualiti. Dengan kata lain, para pentadbir universiti di dalam atau di luar negara melihat kepada jumlah buku akademik untuk proses kenaikan pangkat dan anugerah (Cole dan Cole 1973). Pada hemat penulis, dasar ini harus diteruskan kerana ia dapat memangkinakan penerbitan buku-buku ilmiah.

Fenomena *publish or perish* amat membebankan kehidupan ahli-ahli akademik kerana beban kerjaya mereka menjadi berganda (Vardi 2009). Sungguhpun begitu, ia adalah sesuatu yang amat perlu bagi melonjakkan penarafan sesebuah universiti. Salah satu kriteria utama

dalam proses penarafan universiti-universiti di dunia adalah kualiti dan kuantiti penerbitan para pensyarah universiti-universiti tersebut. Oleh demikian, fenomena *publish or perish* adalah ibarat ubat yang rasanya amat pahit tetapi amat mujarab untuk menyembuhkan penyakit yang sedang dihidapi. Ia adalah tugas berat yang mesti dilaksanakan.

Di samping dijadikan kriteria utama dalam proses kenaikan pangkat, universiti-universiti tempatan juga boleh menerapkan konsep malim sarjana. Menurut konsep ini, para profesor madya kanan dan profesor akan membimbing para pensyarah muda untuk menghasilkan buku dan penyelidikan yang bermutu. Di Universiti Kebangsaan Malaysia, biasanya para malim ini akan menjadi penulis atau editor bersama dengan para pensyarah muda. Hal yang sama bagi bidang penyelidikan. Dalam bidang penyelidikan biasanya para malim sarjana akan menjadi ketua penyelidik dan para pensyarah muda akan menjadi penyelidik bersama. Penyelidikan yang sebegini biasanya melibatkan jumlah geran penyelidikan yang besar seperti penyelidikan yang dibiayai di bawah projek arus perdana.

Rumusan

Perbincangan dalam makalah ini memperlihatkan kepada kita bahawa walaupun kita dikekang dengan pelbagai hambatan dan permasalahan, institusi pengajian tinggi tempatan, khususnya universiti yang bertaraf APEX dan universiti penyelidikan (RU) boleh memainkan peranan sebagai pemangkin kepada penerbitan ilmiah, khususnya penerbitan ilmiah berbahasa Melayu. Kita harus meneruskan usaha gigih untuk memecahkan tembok keilmuan atau hegemoni ilmu yang ingin diteruskan oleh negara dan peradaban Barat.

Dalam usaha untuk memecahkan tembok hegemoni ini, kita perlu menscopuskan atau mengindeks dalam indeks ISI bagi jurnal-jurnal tempatan, khususnya jurnal-jurnal yang bersifat dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kita boleh memilih antara dua pendekatan. Pertama, kita boleh tidak mempedulikan tradisi atau kriteria penarafan yang telah ditentukan oleh Barat. Kedua, kita berusaha keras untuk akur kepada kriteria-kriteria yang telah ditentukan oleh Barat dalam proses penarafan dan pengantarabangsaan universiti.

Pilihan pertama akan menyebabkan pemencilan dalam tradisi keilmuan yang lebih besar. Pilihan kedua, akan membolehkan kita terus berdaya saing di peringkat lokal dan antarabangsa. Pada hemat penulis, pilihan kedua lebih menguntungkan kita kerana kita tidak mahu terus

dipandang rendah dan tidak bertaraf antarabangsa. Kita tidak mahu terus menerus menjadi jaguh kampung yang hanya hebat di tempat sendiri.

Rujukan

- Abdullah Al-Amin Al-Na'miy. 1994. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. Terj. Mohd. Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baldrige, D.C., Floyd, S.W. dan Markoczy, L. 2004. Are managers from Mars and academicians from Venus?: Toward an understanding of the relationship between academic quality and practical relevance. *Strategic Management Journal* 25(11): 1063-1074.
- Bingley, C. 1966. *Book Publishing Practice*. London: Crosby Lockwood & Son.
- Cole, J.R. dan Cole, S. 1973. *Social Stratification in Science*. Chicago: Chicago University Press.
- Fox, M.F. 1985. *Scholarly Writing and Publishing*. London: Westview Press.
- Hamed Mohd. Adnan. 2002. *Industri Buku di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Huntington, S. 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- Sutan Takdir Alisjahbana. 1990. Hubungan antara bahasa, pemikiran dan budaya seperti yang dicerminkan dalam pembinaan bahasa Indonesia. *Jurnal Dewan Bahasa* 34(4): 296-311.
- Syed Mohd. Naguib al-Attas. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Vardi, I. 2009. The impacts of different types of workload allocation models on academic satisfaction and working life. *Higher Education* 57(4): 499-508.
- Withers, C.W.J. dan Keighren, L.M. 2011. Travels into print: Authoring, editing and narratives of travels and exploration. *Institute of British Geographers* 36(4): 560-573.

